

# KPPK perkenal kempen galak<sup>um</sup> tanaman integrasi<sup>21/6/08</sup> <sup>ms 24</sup>

KOTA BHARU 20 Jun - Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) akan memperkenalkan kempen galakan penanaman integrasi sumber makanan dan buah-buahan kepada peladang di seluruh negara sebagai satu langkah mengatasi krisis makanan di negara ini.

Menterinya, Datuk Peter Chin Fah Kui berkata, peladang yang menyertainya akan diberikan sokongan termasuk bantuan benih dan kewangan bagi membolehkan ladang masing-masing diusahakan dengan tanaman sampingan sumber makanan.

Menurut beliau, pada masa ini keluasan ladang kelapa sawit dan getah di seluruh negara ialah kira-kira 5.5 juta hektar dan ia tidak termasuk ladang tanaman lain seperti koko, lada hitam dan tembakau.

"Kita akan lancarkan kempen ini dalam masa terdekat dan ia diyakini mampu menambahkan hasil makanan negara, seterusnya mengurangkan pergantungan kepada pengimportan bekalan daripada negara luar.

"Walaupun tidak semua kawasan ladang sesuai ditanam dengan tanaman integrasi akibat masalah bentuk muka bumi dan sebagainya, tetapi jika kita ambil perkiraan minimum 10 peratus daripadanya maka ia dapat membantu meningkatkan hasil makanan negara," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Pesta Sukan KPPK 2008 di sini hari ini.